



Untuk Terbitan Media

27 Januari 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO MENGESAHKAN KEMALANGAN DI TAPAK BINAAN

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengesahkan satu kejadian melibatkan seorang pekerja asing maut akibat terjatuh di sebuah bangunan yang sedang dalam pembinaan di Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak.

Menurut laporan awal, kejadian yang berlaku pada pukul 9 pagi itu membabitkan seorang pekerja warga Bangladesh berusia 44 tahun yang sedang melakukan kerja-kerja binaan di Blok E bangunan tersebut.

PERKESO dalam satu kenyataan pada Isnin berkata, laporan polis telah dibuat berhubung kejadian tersebut untuk siasatan lanjut.

"Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Negeri Perak (JKKP) juga telah dimaklumkan dan ke kawasan kejadian untuk membuat penilaian awal berhubung kemalangan ini," katanya.

Dalam masa sama, PERKESO memaklumkan kerja-kerja pembinaan di lokasi blok terbabit dihentikan serta-merta sehingga hasil siasatan JKKP selesai.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

27 Januari 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my